

KEYAKINAN MEMBAWA KEJAYAAN



Remaja perlu bercita-cita tinggi.

Oleh Izani Haji Daud

TIDAK semua orang mempunyai keyakinan pada diri sendiri, iaitu tidak percaya kebolehan yang ada pada diri sendiri. Keadaan inilah yang menyebabkan seseorang sukar untuk berjaya dalam hidup, atau dalam sesuatu perkara yang diceburinya.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kejayaan seseorang, seperti usaha, kebolehan, sokongan dan kewangan. Namun begitu, yang menjadi tonggak kejayaan ialah keyakinan diri.

Keyakinan bermaksud betul-betul percaya akan sesuatu. Contohnya, individu yang berhasrat untuk menjadi jutawan. Jika yakin pada diri sendiri, maka individu tersebut benar-benar percaya suatu masa nanti dia akan mendapat segala yang dicita-citakannya. Adakah dengan mempunyai keyakinan atau kepercayaan penuh untuk memiliki sesuatu perkara sudah cukup untuk menjamin kejayaan?

Individu yang berkeyakinan biasanya memiliki amalan atau ciri-ciri tertentu dalam dirinya, seperti bercita-cita tinggi, berazam, tidak mudah putus asa, sentiasa mengejar peluang, bertindak cepat dan kreatif.

Bercita-cita tinggi merupakan ciri yang paling utama yang seharusnya ada pada individu yang berkeyakinan. Hal ini demikian kerana cita-cita yang menggunung tinggi akan menyebabkan keinginan dan hasratnya sentiasa berkobar-kobar untuk merealisasikan segala impiannya. Selagi segala yang dikehendaknya tidak tercapai, maka selagi itulah dia akan berusaha. Dengan adanya cita-cita masa hadapan dapat dirancang.

Cita-cita mempunyai pengaruh yang besar pada diri seseorang pelajar tidak kira sama ada pelajar itu seorang yang cerdas atau seorang yang lemah. Bagi pelajar yang lemah sekalipun, apabila pelajar tersebut mempunyai cita-cita, dia boleh mencipta kejayaan. Hal ini demikian kerana sikap yakin pada diri sendiri, tidak akan melunturkan semangat seseorang untuk terus belajar dan mencipta kejayaan walaupun pernah menempuh kegagalan. Gagal sekali tidak bermakna gagal untuk selama-lamanya. Buktinya jelas, banyak pelajar yang lemah semasa di bangku sekolah berjaya dalam pelajaran mereka kerana berkat cita-cita yang tidak pernah padam dalam dirinya sehingga dia terus berusaha mencapai cita-citanya bagi mencipta kejayaan.

Keazaman yang tinggi juga merupakan ciri seorang yang yakin terhadap diri sendiri. Keazaman yang tinggi dapat menjadi penggerak dan pendorong seseorang itu untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini dapat dilihat melalui kesungguhan seseorang itu bekerja dan percakapannya yang sentiasa bersemangat. Walaupun ada pendapat yang mengatakan keazaman tidak boleh diukur menerusi percakapan, individu yang bermaruah atau yang mempunyai harga diri, sentiasa akan mengotakan segala yang dikatakannya.


Seorang yang berkeyakinan juga **tidak mudah kecewa atau berputus asa**. Kita biasa mendengar orang yang berjaya dalam bidang perniagaan sehingga menjadi jutawan. Adakah dengan mudah mereka berjaya ke puncak kegemilangan yang diidam-idamkan? Sebenarnya, mereka mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran sebelum berjaya. Mereka pernah jatuh dan bangun sebelum berjaya. Banyak yang kecondang apabila mengalami kerugian, individu yang berkeyakinan tidak mudah berasa kecewa, malahan mereka bangun semula dan mengambil pengalaman dan iktibar daripada perkara yang berlaku untuk dijadikan panduan pada masa hadapan.

Selain itu, seorang yang berkeyakinan **sentiasa mencari peluang untuk mencuba**. Mereka berani menceburkan diri dalam sesuatu perkara yang

baru. Contohnya, dalam bidang perniagaan, seperti memasarkan produk baharu, jika usahanya itu berjaya maka, dia akan mendapat pulangan yang besar. Keyakinan merangsang seseorang untuk merebut peluang keemasan dengan mudah.

Amalan lain bagi orang yang mempunyai keyakinan diri ialah **bertindak segera dalam sesuatu pekerjaan atau urusan yang dilakukannya**. Mereka percaya segala yang dilakukannya betul dan akan mendatangkan hasil yang baik. Bagi mereka yang tidak mempunyai keyakinan diri tentu tidak akan cepat bertindak, teragak-agak dan lebih mengambil sikap tunggu dan lihat. Akhirnya, pekerjaan yang hendak dilakukannya akan terbengkalai.

Akhir sekali, orang yang berkeyakinan diri merupakan individu **kreatif**. Mereka sentiasa mempunyai pilihan atau alternatif dalam kehidupan. Umpamanya, dalam melakukan sesuatu perkara individu ini sentiasa mempunyai banyak alternatif atau pilihan. Dengan perkataan lain mereka sentiasa mencari peluang atau menggunakan pelbagai cara dan pendekatan untuk mencapai hasrat.

Tuntasnya, individu yang berkeyakinan diri mempunyai amalan atau ciri-ciri positif dalam dirinya. Kesepaduan komponen ciri positif inilah yang menyebabkan mereka menjadi seorang yang yakin terhadap diri seterusnya berjaya dalam hidup. 



Remaja digalakkan untuk menceburi aktiviti yang dapat meningkatkan keyakinan diri.

